



IBU PEJABAT JPS MALAYSIA



**SURAT PEKELILING JPS Bil. 4 /2013
(Pembatalan Surat Pekeliling JPT.CUB.BIL. 1/1990)**

**GARIS PANDUAN PENYEDIAAN PERAKUAN MUKTAMAD KONTRAK
YANG DITAMATKAN PENGAMBILAN KERJA KONTRAKTOR**

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk mengemaskini peraturan penamatan pengambilan kerja kontraktor yang dikeluarkan melalui Surat Pekeliling JPT.CUB.BIL. 1/1990 bertarikh 14 November 1990 dan memaklumkan penggunaan Garis Panduan Penyediaan Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Surat Pekeliling JPT.CUB.BIL. 1/1990 bertarikh 14 November 1990 serta Surat Edaran JPS rujukan (27)dlm. PPS 10/4/2 BUB Jld. 4 bertarikh 7 Februari 2003 telah dikeluarkan antara lain untuk menetapkan peraturan serta penggunaan borang piawai bagi tujuan penamatan pengambilan kerja kontraktor.

- 2.2 Berdasarkan kepada perkembangan semasa dan juga setelah mengambilkira peruntukan syarat-syarat kontrak PWD 203/203A (Rev. 1/2010) dan PWD DB (Rev. 1/2010) yang terkini, maka peraturan tersebut di atas perlu dikaji semula.

3.0 PINDAAN/ PEMBATALAN/ PENAMBAHBAIKAN

- 3.1 Beberapa pindaan telah dibuat kepada panduan penyediaan deraf notis sediada disamping penggunaan kaedah perkiraan baru bagi Perakuan Kos Penamatan. Garis panduan yang disediakan mengandungi perkara seperti berikut:
- (i) **Seksyen A** – Tindakan apabila kontraktor mungkir serta panduan penyediaan notis-notis bagi projek yang akan ditamatkan;
 - (ii) **Seksyen B** – Tindakan yang perlu diambil selepas kontrak ditamatkan;
 - (iii) **Seksyen C** – Panduan Penyediaan Perakuan Kos Penamatan berikutan penamatan pengambilan kerja kontraktor.
- 3.2 Apabila projek ditamatkan, tindakan untuk menuntut Bon Pelaksanaan dalam bentuk Jaminan Bank/ Jaminan Insurans atau baki Wang Jaminan Pelaksanaan yang belum ditahan hendaklah dibuat dengan **serta merta** demi melindungi kepentingan Kerajaan. Dalam pada itu sekiranya masih lagi terdapat baki bayaran balik Wang Pendahuluan yang masih belum dapat dikutip daripada kontraktor, tuntutan serta merta hendaklah dibuat terhadap Jaminan Wang Pendahuluan (sebelum tarikh luput Jaminan) berdasarkan kepada baki wang pendahuluan yang masih belum berbayar.
- 3.3 Penyediaan Perakuan Kos Penamatan hendaklah dibuat dengan segera **setelah kontraktor baru dilantik oleh Kerajaan**. Dalam keadaan dimana perkiraan Perakuan Kos Penamatan tersebut menunjukkan kontraktor berhutang dengan Kerajaan, maka tuntutan hendaklah dibuat terhadap

kontraktor dengan secepat mungkin. Apabila kontraktor didapati gagal membayar nilai yang dituntut, tindakan segera hendaklah dibuat dengan merujuk kepada pejabat Penasihat Undang-Undang, JPS untuk tindakan selanjutnya.

4.0 KUATKUASA DAN PEMBATALAN

4.1 Surat pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta merta dari tarikh ianya dikeluarkan.

4.2 Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, Surat Pekeliling dan Surat Edaran berikut adalah **DIBATALKAN**:

- i) Surat Pekeliling JPT.CUB.BIL. 1/1990 bertarikh 14 November 1990.
- ii) Surat Edaran JPS rujukan (27)dlm. PPS 10/4/2 BUB Jld. 4 bertarikh 7 Februari 2003.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“CINTAILAH SUNGAI KITA”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“CINTAILAH SUNGAI KITA”



(DATUK Ir. HJ AHMAD HUSAINI BIN SULAIMAN)

Ketua Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran
Malaysia

Tarikh : 12 Disember 2013